

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat: HOTEL RENAISSANCE, KUALA LUMPUR
Tarikh: 12-10-2004
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN AR-RAHNU SERANTAU

YBhg. Pengerusi Majlis

YB. Dato' Dr Mashitah Ibrahim
Setiausaha Parlimen di JPM

YBhg. Dato' Ahmad Tajuddin Abdul Rahman
Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YPEIM

YBhg. Dr Hj Abd Malek Hj Awang Kechil
Ketua Pengarah YPEIM merangkap
Setiausaha Agung
Sekretariat Ar Rahnu Serantau

Wakil-wakil anggota Sekretariat Ar Rahnu Serantau dari
Indonesia, Negara Brunei Darussalam, Singapura, Thailand,
Cambodia, Timor Leste dan dari Malaysia sendiri.

Para pembentang kertas kerja, para peserta konvensyen

Wakil Media

Seterusnya para hadirin sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera,

Terlebih dahulu, saya melafazkan syukur ke hadrat Allah
S.W.T. yang telah mengizinkan kita bersama dalam
majlis *Perasmian Konvensyen Ar-Rahnu Serantau* pada pagi
ini.

Tahniah diucapkan kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam
Malaysia (YPEIM) selaku penganjur utama, Sekretariat Ar-
Rahnu Serantau serta institusi-institusi yang telah
bekerjasama menjayakan Konvensyen ini yang turut disertai
oleh wakil-wakil peserta dan pembentang kertas kerja dari
Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam, Thailand, Cambodia
dan Timor Leste.

Konvensyen seumpama ini sesungguhnya amat penting sebagai
satu platform untuk kita berkumpul bagi membincangkan hala

tujuan dan rencana pembangunan umat Islam serantau. Sememangnya jika kita amati secara mendalam, dunia Islam telah terlalu lama dibebani oleh pengaruh pemikiran barat dalam program pembangunannya. Program pembangunan yang dimaksudkan termasuklah aspek sosio-ekonomi seperti pendidikan dan kegiatan ekonomi masyarakat. Kita semua maklum, walaupun kebanyakan negara Islam telah merdeka, namun prinsip-prinsip kolonial masih berakar umbi di dalam sosio-ekonomi, politik dan budaya hidup masyarakat Islam.

Perkembangan yang baik telah bermula sekitar tahun-tahun 70-an ke 80-an dan telah menyaksikan kemunculan bank-bank Islam dan institusi kewangan Islam yang melaksanakan instrumen kewangan berasaskan syarak dengan menggunakan asas yang berbeza berbanding bank dan institusi kewangan konvensional. Penubuhan institusi-institusi ini adalah sebagai manifestasi dalam menyuburkan amalan-amalan bermuamalah menurut lunas-lunas agama Islam. Perkembangan seperti inilah yang boleh disifatkan sebagai program-program yang selaras dengan konsep Islam Hadhari yang menjadi perhatian penting kerajaan di bawah kepimpinan YAB. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia.

Dengan adanya usaha yang serius dalam memperkenalkan instrumen kewangan Islam seperti ini, ia akan menjadi titik mula (*entry point*) kepada fasa baru yang juga bakal mencipta sejarah baru kepada dunia Islam pada umumnya.

Perkembangan seperti ini sememangnya turut menjadi pemangkin ke arah proses membebaskan umat Islam daripada terus didominasi oleh pemikiran barat dan merupakan satu perkembangan penting ke arah perubahan ekonomi, pendidikan dan sosial berlandaskan Syariah.

Oleh yang demikian, adalah diharapkan agar umat Islam akan menjadi lebih dinamik dan menjadi peserta yang aktif (*active player*) dalam sektor ekonomi, apabila elemen-elemen seperti riba, penindasan, manipulasi dan diskriminasi dapat dibersihkan dan tidak lagi menjadi halangan.

Para hadirin sekalian,

Di sinilah, YPEIM sebagai institusi amal jariah terbesar di negara ini, di bawah naungan rasmi YAB. Perdana Menteri Malaysia yang telah disusun dan dilancarkan semula oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1984, sesungguhnya

mempunyai peranan secara langsung dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi umat Islam di negara ini.

Saya dimaklumkan, sejak penubuhannya, YPEIM telah mengambil pendekatan tersendiri dalam rangka menangani persoalan umat Islam secara realistik, strategik dan profesional dengan memperkenalkan pelbagai program pembangunan sosio-ekonomi yang penting seperti *Program Mikro Kredit Skim Ar-Rahnu* yang kini telah membabitkan sejumlah 1.22 juta kumpulan sasar secara terkumpul dan membabitkan pengeluaran pinjaman secara terkumpul RM1.17 bilion.

Untuk makluman semua, sebenarnya seawal tahun 1985 lagi, Jemaah Menteri telah memperakui supaya Pajak Gadai Islam dilaksanakan di negara ini. Bertolak dari situlah, inisiatif YPEIM bersama dengan Bank Negara Malaysia pada tahun 1992 bagi menggerakkan pelaksanaan pajak gadai secara Islam (*Ar Rahnu*) telah menjadi kenyataan apabila skim ini telah berjaya diperkenalkan pada tahun 1993. Institusi pelaksana terawal Skim Ar Rahnu YPEIM-BNM ialah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, diikuti pelaksana kedua Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada tahun 1997 dan seterusnya Koperasi YPEIM Berhad pada tahun 2000.

Sebagai negara terawal mempelopori dan melaksanakan Program Mikro Kredit - Skim Ar-Rahnu, kerajaan melihat peranan YPEIM kini menjadi lebih penting kerana dapat membantu negara dalam usaha mengukuhkan pelaksanaan program Mikro Kredit - Skim Ar Rahnu ini di negara-negara serantau dan dunia Islam amnya.

Perlaksanaan Program Mikro Kredit Skim Ar-Rahnu ini dianggap penting dan relevan bagi *memenuhi keperluan kritikal kumpulan sasar terbabit*. Selain itu, program ini akan menjadi pelengkap kepada perkhidmatan kewangan dalam sistem kewangan serta menjadi alternatif kepada sistem pajak gadai konvensional. Pada masa yang sama dapat membantu kerajaan dalam menangani kegiatan pemberian pinjaman secara tidak sah dan tidak bermoral seperti along dan ceti haram.

Kerajaan amat prihatin dengan pelbagai jenayah angkara along atau ceti haram yang dilaporkan akhir-akhir ini. Banyak kes menunjukkan mangsa yang meminjam dengan along diganggu, diancam dan ada juga yang dibunuh kejam kerana gagal membayar pinjaman. Saya ingin nyatakan di sini bahawa budaya meminjam daripada along bukan sahaja satu

kesalahan di sisi undang-undang malah bertentangan dengan mua'malah Islam. Islam sesungguhnya telah menyediakan acuan tersendiri seperti skim Ar-Rahnu yang sebenarnya satu skim pembiayaan mudah, cepat dan memenuhi keperluan semasa berlandaskan tuntutan syarak. Ini sekaligus akan dapat menghalang dan mengelakkan masyarakat daripada terjebak dalam jenayah yang tidak diingini.

Maka, saya berharap melalui penganjuran konvensyen seperti ini, semua objektif yang telah digariskan akan dapat dicapai sepenuhnya. Pemilihan tema konvensyen Kearah Pengembangan dan Pengukuhan Ar Rahnu Serantau, amatlah bertepatan dengan rancangan pengembangan serta cabaran yang bakal dihadapi dalam memantap dan memajukan lagi program mikro kredit ini.

Saya dimaklumkan, langkah menubuhkan Sekretariat Ar-Rahnu Serantau yang turut dianggotai oleh institusi yang terbabit secara langsung atau tidak langsung daripada negara MABIMS (Malaysia, Brunei, Indonesia dan Singapura) dan negara-negara di rantau Asia Tenggara seperti Thailand, Cambodia, Timor Leste akan diikuti pula oleh Filipina dan Myanmar. YPEIM sebagai urusetia diharapkan akan dapat mencapai objektif penubuhan Sekretariat ini, yang antara lain menjadi *wahana / platform* peringkat serantau bagi tujuan menyelaraskan operasi pajak gadai Islam (Skim Ar-Rahnu) / Pegadaian Syariah dan membantu menyelesaikan isu berbangkit di peringkat serantau.

Saya yakin, berdasarkan pengalaman luas YPEIM serta semua institusi pelaksana seperti Bank Rakyat, BIMB dan Koperasi YPEIM Berhad dalam perlaksanaan Program Mikro Kredit - Skim Ar Rahnu di negara ini, melalui 148 buah kaunter/cawangan yang ada akan turut berupaya membantu institusi daripada negara-negara anggota Sekretariat lain yang terbabit.

Begitu juga institusi daripada Negara-negara anggota yang mempunyai kelebihan dalam bidang tertentu diharapkan dapat berkongsi pengalaman masing-masing. Umpamanya Perum Pegadaian Indonesia yang mempunyai 760 cawangan (juga telah melaksanakan lebih daripada 10 cabang Ar-Rahnu) melaksanakan urusan penggadaian sejak zaman Belanda lagi, tentu sekali kaya dengan pengalaman berurusan dengan barang gadaian seperti emas serta barang berharga yang lain. Begitu jugalah pengalaman negara-negara lain seperti Negara Brunei Darussalam dan Thailand yang kini masing-masing telah memulakan Skim Ar Rahnu ini.

Para hadirin sekalian,

Kerajaan menyokong penuh pelaksanaan Program Mikro Kredit - Skim Ar Rahnu yang dilaksanakan menerusi YPEIM ini dan akan memastikan hasrat memperluaskan penawarannya hingga menjadi 400 buah kaunter kesemuanya akan menjadi kenyataan dalam masa terdekat ini.

Program Mikro Kredit - Skim Ar Rahnu ini ternyata sudah mempunyai prestasinya yang tersendiri bukan sahaja sebagai satu produk perbankan, malah sejarah membuktikan bahawa pajak gadai adalah merupakan sub sektor kepada sektor kewangan secara amnya. Atas dasar itu kerajaan berpendapat bahawa dengan wujudnya rangkaian kaunter yang luas akan membolehkan tawaran perkhidmatan program ini dapat dinikmati oleh kumpulan sasar khususnya golongan berpendapatan rendah termasuk di daerah kecil di seluruh negara.

Kerajaan juga menyokong penubuhan Sekretariat Ar-Rahnu Serantau yang dijangka akan mempunyai saham yang penting ke arah pengukuhan kerjasama serantau yang memfokus di bidang perniagaan dan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat yang memerlukan, di negara-negara khususnya yang menganggotai Sekretariat ini.

Saya berasa sukacita kerana perkembangan teknologi terkini dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengurusan sekretariat dengan langkah memperkenalkan Laman Web Sekretariat Ar Rahnu Serantau sebagai sumber rujukan berkaitan perkhidmatan pajak gadai Islam. Laman Web ini juga turut menyediakan saluran promosi, saluran perbincangan serta menyediakan maklumat terkini berkaitan pelaksanaan pajak gadai Islam di kalangan negara anggota dan dunia amnya.

Saya juga difahamkan pada masa kini, selain tumpuan diberikan kepada usaha mengukuh dan memperluaskan perkhidmatan Program Mikro Kredit - Skim Ar Rahnu, YPEIM turut terbabit secara serius dalam menjayakan *Program Membangun Ilmu Pengurusan Islami* dan khabarnya, *Teks Pengurusan Islami* (sebagai produk ulung program ini) yang dihasilkan berasaskan kajian akademik oleh sekumpulan pakar pengurusan moden dan ahli di bidang pengajian Islam, merupakan yang pertama seumpamanya di negara ini mahupun dunia Islam seluruhnya, akan diterbitkan sedikit masa lagi. Tahniat di atas usaha-usaha sebegini serta komitmen

dan kesungguhan Lembaga dan Pengurusan YPEIM dengan merealisasikan dan mencapai tahap prestasi cemerlang dalam pelaksanaan program-program yang penting kepada masyarakat dan negara kita ini.

Akhir kata, diharapkan konvensyen yang dianjurkan ini akan benar-benar memberi manfaat dan mencapai objektif penganjurannya. Atas harapan itu dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Konvensyen Ar-Rahnu Serantau 2004, Penubuhan Sekretariat Ar-Rahnu Serantau serta Pelancaran Laman Web Sekretariat Ar-Rahnu Serantau.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.